

06/09/1997

Singkir jika fitnah pemimpin: Dr M

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mana-mana pemimpin Umno yang cuba menjatuhkan imej pemimpin lain dengan menulis surat layang atau fitnah, boleh disingkirkan daripada parti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin berkenaan juga boleh dikenakan hukuman di mahkamah mengikut undang-undang negara, jika ada bukti kukuh mengenai amalan berkenaan.

Bercakap kepada RTM dalam satu temubual eksklusif yang disiarkan menerusi TV1 malam tadi, beliau bagaimanapun menjelaskan ia perlu diselesaikan di peringkat parti dulu, sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa.

"Bagi kita, apa yang boleh dibuat ialah menggugurkan mereka ... menyingkirkan mereka dari parti. Itu yang terbesar sekali (tindakan yang boleh diambil).

"Kita tak ada kuasa nak jatuh hukuman dan masuk jel dan sebagainya tetapi kalau kita dapati perkara itu serius, kita boleh bawa perkara itu ke mahkamah dan mahkamah boleh memutuskan perkara ini.

"Tetapi di sini ingin saya jelaskan, bahawa komplek dalam parti tidak boleh dibawa ke mahkamah melainkan ia diputuskan terlebih dulu dalam parti," katanya.

Beliau diminta mengulas penyebaran surat layang dan fitnah yang kebanyakannya tertumpu kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, lebih-lebih lagi menjelang Perhimpunan Agung Umno yang bermula hari ini.

Menurut Perdana Menteri, anggapan umum bahawa mereka yang memegang jawatan tinggi tidak boleh dikenakan hukuman undang-undang tidak benar sama sekali.

"Kalau ada orang yang memegang jawatan parti pun dia boleh digugurkan atau diambil tindakan disiplin sehingga ke peringkat Naib Presiden. Jadi nak kata orang yang mempunyai jawatan tinggi tidak dikenakan tindakan pun tidak benar sama sekali," katanya.

Mengenai isu agama, Dr Mahathir menegaskan ia menjadi asas perjuangan Umno sejak dulu lagi dan bukan perkara baru, sebagaimana yang digembarkan oleh parti pembangkang.

"Hari ini kita dapati berlaku kejadian tertentu kerana ada parti politik yang mempermainkan agama, maka terdapat ramai yang keliru dengan Islam.

"Kita kena perbetulkan perkara ini ... kalau kita menekan perkara ini sekarang, ia kerana tekanan pihak lain sudah meningkat dan jika dibiarkan melarat," katanya.

(END)